

18.5.2021

Siaran Media
oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

SIAPA YANG HARUS BAYAR KEDAH?

- **Kerajaan Persekutuan yang memperolehi cukai berjumlah RM16.4 bilion pada tahun 2019 dari Perlis, Kedah dan Pulau Pinang harus membayar dan memberi pampasan kepada Kedah untuk memastikan keselamatan bekalan air di negeri-negeri NCER.**

PULAU PINANG, Selasa, 18.5.2021: Menteri Besar Kedah dilaporkan menuntut "RM50 juta" setahun dari Pulau Pinang kerana mengabstrak air mentah dari Sungai Muda dan pampasan RM100 juta setahun dari Kerajaan Persekutuan untuk menghentikan pembalakan di Hutan Ulu Muda.

Pemuliharaan Ulu Muda adalah isu NCER

Hutan Ulu Muda adalah kawasan tadahan air di Kedah yang mengumpulkan 70% air mentah Perlis dan 96% air mentah Kedah. Ia juga merupakan kawasan tadahan air utama Sungai Muda, dari mana Pulau Pinang mengabstrak lebih 80% air mentahnya setiap hari.

Harap maklum bahawa Ulu Muda "berfungsi" untuk 3 negeri di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), dan bukan hanya Pulau Pinang. Melihat kepada fakta ini, kami sangat setuju bahawa Kedah berhak mendapat pampasan untuk melindungi dan memulihara Ulu Muda sebagai "Lembangan NCER".

Oleh itu, Pulau Pinang dan PBAPP menyokong sepenuhnya tindakan Kedah untuk mendapatkan pampasan Persekutuan kerana melindungi dan memulihara Ulu Muda secara sah.

Rasional Kedah memohon pampasan Persekutuan adalah berdasarkan kepada 3 fakta mudah:

- Perlis, Kedah dan Pulau Pinang adalah 3 negeri berjiran di Malaysia, bukan 3 negara yang berbeza.
- Pada tahun 2019, Perlis, Kedah dan Pulau Pinang menyumbang sebanyak RM147.8 bilion kepada KDNK Malaysia dan RM16.4 bilion hasil cukai kepada Kerajaan Persekutuan.
- Di bawah Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) 2006 (Akta



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

654) dan Akta Industri Perkhidmatan Air (WSIA) 2006 (Akta 655), Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab kepada perkhidmatan bekalan air di Malaysia.

Ringkasnya, tiada alasan atau asas undang-undang bagi Menteri Besar Kedah membezakan Pulau Pinang dengan menuntut pembayaran kerana mengabstrak air mentah dari Sungai Muda.

Apa sahaja pampasan yang diminta oleh Kedah untuk perlindungan undang-undang dan pemuliharaan Ulu Muda yang sewajarnya adalah dari Kerajaan Persekutuan.

Penyelesaian UMBA

Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini telah mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan untuk menubuhkan sebuah "Lembaga Lembangan Ulu Muda"(UMBA) bagi menguruskan Ulu Muda secara profesional dan mampan.

Ketika ini, tiada pihak berkuasa menguruskan Ulu Muda dari sudut sumber air, walaupun 4.2 juta orang dan ribuan perniagaan di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang sangat bergantung pada air hujan yang dikumpulkan oleh 163,000 hektar hutan hujannya.

Penubuhan UMBA adalah penyelesaian yang terbukti dan praktikal untuk isu Ulu Muda kerana ia berdasarkan kepada *Murray-Darling Basin Authority* (MDBA). Ia akan memastikan perlindungan kawasan tadahan air untuk empangan Muda, Pedu, Ahning dan Beris di negeri NCER.

Di Australia, MDBA menguruskan *Murray-Darling Basin* sejak 2012 untuk kepentingan 5 Negeri Lembangan: Queensland, New South Wales, *Australian Capital Territory* (ACT), Victoria dan Australia Selatan. MDBA beroperasi secara bebas dan melapor kepada Kerajaan Komanwel Australia yang merupakan pembiaya utamanya. 5 Negeri Lembangan juga menyumbang untuk membiayai MDBA.

Kita perlu belajar daripada pengalaman *Murray-Darling Basin Australia* untuk menyelesaikan isu Ulu Muda kita secara saintifik, rasional dan mampan.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my